

## AIA syarikat MDRT nombor 1 Malaysia

**AIA** Malaysia dinobatkan sebagai syarikat Million Dollar Round Table (MDRT) nombor satu di Malaysia untuk lima tahun berturut-turut.

MDRT adalah persatuan global bebas yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai tahap keceMERLANGAN dalam sektor insurans hayat dan perkhidmatan kewangan.

Di samping itu, syarikat berkenaan juga merupakan satu-satunya syarikat Malaysia yang berada di tangga ke-20 dalam senarai syarikat teratas mempunyai bilangan ahli MDRT terbanyak di dunia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ben Ng berkata, pencapaian berkenaan merupakan komitmen dan dedikasi ejen mereka yang berkhidmat untuk pelanggan.

“Kedudukan kami sebagai nombor satu di Malaysia dan nombor 20 di dunia bagi ahli MDRT menggambarkan kualiti dan tahap



**AIA mempunyai 12,796 ejen dan pemimpin agensi yang didaftarkan sebagai ahli MDRT setakat 1 Julai 2020.**

profesionalisme ditunjukkan oleh pasukan agensi kami yang terdiri daripada 14,000 orang.

“Saya sangat berbangga kerana satu daripada tiga ahli MDRT di Malaysia terdiri daripada Perancang Hayat AIA,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, pengiktirafan diterima itu juga akan lebih memotivasikan AIA dalam usaha berterusan untuk membantu rakyat Malaysia.

AIA mempunyai 12,796 ejen dan pemimpin agensi yang didaftarkan sebagai ahli MDRT setakat 1 Julai 2020.